

## KAEDAH KOMUNIKASI NON VERBAL DALAM HAFALAN AL-QURAN DI PRA SEKOLAH

Safinah Ismail<sup>1</sup>, Siti Mursyidah Mohd Zin & Nur Zatil Ismah Azizan,  
Fatin Nazmin

### ABSTRAK

**K**omunikasi antara guru dengan murid di dalam bilik darjah penting dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran termasuk hafalan al-Quran di pra sekolah. Pembelajaran al-Quran secara hafalan mampu menjadi pemangkin ke arah melahirkan generasi yang hafiz, alim, dai`e dan profesional sekaligus memenuhi matlamat pendidikan al-Quran. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti kaedah komunikasi non verbal guru hafalan Al-Quran di pra sekolah. Kajian kualitatif ini menggunakan bentuk kajian kes menggunakan penganalisaan data tematik melalui analisis dokumen daripada jurnal, buku, laporan penyelidikan dan sebagainya. Hasil kajian mendapati kaedah komunikasi bukan lisan (non verbal) antaranya mendengar hafalan kanak-kanak, membimbang sehingga mereka mampu menghafal, memberi contoh teladan yang baik dan mendidik dengan penuh kasih sayang. Komunikasi ini juga menggunakan VAK iaitu gaya pembelajaran visual (menggunakan CD, komputer, LCD, gerakan tangan dan sebagainya), gaya pembelajaran auditori (radio) dan gaya pembelajaran kinestetik (memegang atau bermain). Ia menghasilkan inovasi dalam pembelajaran al-Quran yang efektif dan menyeronokkan serta memberi impak positif dalam proses hafalan terutama kepada kanak-kanak pra sekolah.

Kata Kunci: Kaedah Komunikasi, Non Verbal, Hafalan Al-Quran, Pra Sekolah

### PENDAHULUAN

Trend masyarakat sekarang mulai sedar akan kepentingan al-Quran dan mengutamakan nilai agama serta kepentingan pendidikan al-Quran. Ibu bapa mula mencari sekolah yang berlatarkan al-Quran sejak daripada tadika hingga ke peringkat tinggi (Zetty Nurzuliana Rashed, 2016). Ini menunjukkan penerapan nilai Islam dalam pendidikan prasekolah amat perlu dititik beratkan kerana ia merupakan proses awal kanak-kanak untuk mendepani dunia pendidikan. Komunikasi antara guru dengan murid di dalam bilik darjah penting kerana dalam

<sup>1</sup>Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin Fakulti Pengajian Peradaban Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. safinah@kuis.edu.my

sesuatu proses pengajaran, seseorang guru akan bercakap dua pertiga daripada keseluruhan waktu mengajarnya. Percakapan guru itu secara langsung mempengaruhi murid-murid seperti dalam menyampaikan, memberi arahan, dan mengkritik. Guru juga perlu membina dan menjaga hubungan yang baik dengan murid dan mempunyai kemahiran komunikasi (Syofia Ulfah et al. 2012).

## DEFINISI OPERASI KAJIAN

### Kaedah

Dalam Kamus Dewan (1989) menyatakan bahawa kaedah bermaksud cara atau aturan dalam membuat sesuatu. Kamus Bahasa Melayu (1999) pula menyatakan bahawa kaedah bererti cara, aturan, hukum, prinsip, susunan dan sistem . Kaedah juga bermaksud cara atau peraturan membuat sesuatu samaada ia bersistem atau tidak bersistem, di dalam bahasa inggeris kaedah disebut sebagai *method* ataupun *way* keduanya membawa maksud yang sama iaitu kaedah.

### Komunikasi

Komunikasi adalah “proses penyampaian pesanan oleh komunikator kepada sasaran melalui media yang menimbulkan kesan tertentu (A. Markarma 2014). Komunikasi merupakan perhubungan (secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon, dan lain-lain). Ia merupakan pesanan yang disampaikan bagi mempengaruhi komunikasi atau *mad'u* kerana sesungguhnya medium yang disampaikan adalah bersumber daripada Allah dan dalam rangka menuju kebaikan dan komunikasi tersebut dilakukan oleh seseorang dalam ruang dan waktu tertentu. Ia suatu proses menyampaikan atau bertukar informasi dengan menggunakan kaedah dan prinsip yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunah bagi melaksanakan amar makruf nahi mungkar (Zulkefli Aini & S.Salahudin Suyurno 2012).

### Komunikasi Bukan Lisan (non verbal)

Komunikasi bukan lisan atau dikenali komunikasi non verbal adalah komunikasi dengan menggunakan lambang atau simbol sebagai isyarat tanpa lisan, pengilustrasian sebagai isyarat disertai lisan, pemaparan rasa yang menunjukkan emosi dari air muka, pengawal (*regulator*) iaitu pengawalan aliran berkomunikasi (giliran bercakap) dan penyesuaian iaitu adaptasi diri dengan situasi (Ekman 1977) Manakala A.Markama (2014) menambah komunikasi non verbal kepada isyarat, gerak tubuh, intonasi suara, sikap dan sebagainya.

Komunikasi non verbal yang dilakukan guru dalam berinteraksi dengan muridnya adalah dengan menggunakan gerakan, objek tambahan, isyarat, raut dan ekspresi wajah, simbol serta intonasi suara yang bervariasi. (Widya P. Pontoh

2013). Komunikasi bukan lisan juga dapat di sokong dengan alat bantu mengajar (ABM). yang mudah digunakan, interaktif, merangsang murid berfikir, merangsang pembentukan sifat positif, kesesuaian dari segi saiz, warna dan tekstur, mudah ubah suai dan selamat digunakan (Nor Raudah Hj Siren et al.).

### **Hafalan al-Quran**

Hafalan adalah hasil membaca atau mempelajari berulang-ulang al-Quran (Kamus Dewan 1996). Memelihara ayat-ayat suci atau *kalamullah* dengan cara mengingati dalam ingatan dan menjawai dalam diri.

### **Pra Sekolah**

Prasekolah adalah berasal daripada bahasa Inggeris iaitu preschool merupakan pilihan pendidikan bagi kanak-kanak sebelum memasuki sekolah. Prasekolah merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan pendidikan prasekolah bagi membolehkan kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun memasuki persekolahan lebih awal. Oleh itu kanak-kanak pra sekolah ini adalah kanak-kanak yang belum memasuki sekolah kebangsaan yang berumur empat hingga enam tahun (Norizah Tukiman 2014).

Kurikulum prasekolah kebangsaan menyatakan antara objektif yang ingin dicapai dalam kandungan pembelajaran pendidikan Islam adalah mengenali al-Quran dan menghafaz dengan makna surah pendek dan doa harian (Nor Raudah Hj Siren et al). Pra sekolah yang menyediakan pendidikan Islam kebanyakannya dilaksanakan secara ekslusif, swasta dan mahal contohnya Genius Aulad, Little Caliphs and Brain Bunch (Mursyidah Mokhtar and Sumarni Ismail 2015).

Pendidikan tahniz di Malaysia juga telah berkembang dengan pesat dengan inisiatif pihak kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan orang perseorangan. Ini berlaku lanjutan daripada permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat (Fathiyah Mohd Fakhruddin et al. 2015). Tidak ketinggalan juga terdapat pra sekolah yang mewujudkan pra tahniz kepada kanak-kanak contohnya Pasti Pra Tahfiz, Tadika Tahfiz Khalifah, al-Quran Playtime Centre (APC), Tadika Tahfiz Gemilang dan sebagainya. Kebanyakannya memulakan hafazan dengan surah-surah dari juzuk yang ke-30 kerana ia ayatnya pendek dan mudah dihafaz. Ini secara tidak langsung akan melahirkan perasaan gembira untuk menghafaz al-Quran (Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah et al. 2005).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Rekabentuk kajian merujuk kepada suatu teknik atau kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Ia dapat

memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah sesuai dengan persoalan masalah yang ingin diselesaikan. Di samping itu, maklumat yang dikumpul akan diperolehi dengan kaedah yang paling berkesan (Mohd Majid Konting, 1998). Kajian ini membincangkan konsep komunikasi non verbal dalam hafalan Al-Quran pra sekolah iaitu kanak-kanak yang berumur 6 tahun dan ke bawah kerana peringkat ini merupakan peringkat paling utama dan perkembangan yang cukup pesat sebagaimana yang dikemukakan oleh pakar perkembangan dan psikologi kanak-kanak. Kajian kualitatif ini menggunakan bentuk kajian kes menggunakan penganalisan data tematik melalui analisis dokumen daripada jurnal, buku, laporan penyelidikan dan sebagainya. Analisis data kajian ini melibatkan cantuman pelbagai data, pengelasan data mengikut kategori atau tema yang sesuai dan tepat tentang apa sampel kata dan apa yang pengkaji lihat dan baca (Othman Lebar, 2015).

## **HAFALAN AL-QURAN DAN KANAK-KANAK PRA SEKOLAH**

Al Ghazali, Ibn Miskawih, Ibnu Sina, Abdullah Nasih Ulwan sepakat menyatakan bahawa hafal al-Quran adalah perkara utama dalam proses pembelajaran (Wini Mulyani 2011). Ini bertepatan dengan pandangan Ibn Khaldun bahawa pada peringkat rendah kanak-kanak perlu didedahkan dengan pengertian ringkas ayat-ayat hafazan atau bacaan serta diceritakan pula kisah-kisah dan fadilat-fadilat yang terkandung di dalamnya. Kefahaman ini selaras gesaan al-Quran seawal penurunan wahyu (Surah al-Alaq 87:1-5) agar manusia sentiasa menghubungkan diri kepada Pencipta di dalam proses pencarian ilmu melalui adunan ilmu wahyu. Pembelajaran al-Quran secara hafalan mampu menjadi pemangkin ke arah melahirkan generasi yang hafiz, alim, dai`e dan profesional sekaligus memenuhi matlamat pendidikan al-Quran (Abdul Hafiz Haji Abdullah et al 2003) termasuk juga kepada kanak-kanak.

Kajian yang dilakukan oleh Abdul Hafiz et al (2003) menyatakan daripada 13 pengajar Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan menyatakan 4 orang (11%) umur pelajar yang sesuai untuk menghafal al-Qur'an ialah 6 tahun (Abdul Hafiz Haji Abdullah et al 2003). Ini dibuktikan bahawa Sayyid Muhammad Hussein Tabataba'i berjaya menghafal dan mampu menafsir al-Quran ketika berumur lima tahun (Wiwi Alawiyah & Siti Aisyah. 2014), Tabarak dan Yazid Tamamuddin ketika berusia 4,5 tahun (Salafuddin Abu Sayyid 2013), Musa Hanafi ketika umur 6 tahun (Ainun Mahya & Armina P 2016). Bukan sekadar menghafal bahkan khatam hafalan di usia muda.

Namun apabila dilihat dari kajian Norizah Tukiman (2014) mendapati 8% hingga 56% murid berada dalam skala C (sederhana) dan D (perlu bimbingan) dalam aspek hafalan yang terkandung dalam sukan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Oleh itu, satu tindakan susulan perlu dijalankan agar prestasi murid dalam hafalan al-Quran dapat dibaiki. Dari sudut teknologi pula, anak-anak umat Islam kini berhadapan dengan cabaran hidup yang mencabar. Penggunaan televisyen dan gadget menyebabkan kanak-kanak enggan belajar, mengaji apatah lagi menghafal al-Quran. Kartun seperti utraman, naruto, sponge bob, boboi boy sebagai *role model* mereka, sekali gus meninggalkan impak negatif ke atas perkembangan kanak-kanak seperti malas, kurang semangat untuk belajar dan bertindak secara agresif (Nurul Hidayah Ahmad Zakhi 2012; Elly Ermawati 2009; Wini Mulyani 2011). Asmawati et.al (2012) menyatakan pengaruh media yang menyediakan hiburan yang menarik semakin rancak ditayangkan, sedangkan penggunaan media hafalan al-Quran masih terbatas (Muhammad Basyirun 2012). Ia memberikan suatu cabaran yang besar terhadap guru-guru khususnya guru-guru pra sekolah bagi mewujudkan pembelajaran hafalan al-Quran yang menyeronokkan berteraskan media interaktif agar dapat menarik minat pelajar untuk menghafal al-Quran.

### **KAEDAH KOMUNIKASI BUKAN LISAN (NON VERBAL)**

Dalam proses hafalan, komunikasi yang baik dan penggunaan media komunikasi amat penting dalam berinteraksi dengan kanak-kanak. Tanpa aktiviti dan komunikasi yang baik, pengajaran berkesan sukar dihasilkan. Dapatan Nabiroh (2014) memperlihatkan bahawa faktor komunikasi dua hala antara guru dan pelajar amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Kemahiran komunikasi bukan sahaja dilihat sebagai faktor yang menentukan keberkesanan sesuatu pengajaran, malahan kebolehan berkomunikasi efektif dapat membantu guru mengenal pasti tingkah laku pelajar di samping menerapkan nilai-nilai yang positif bagi meningkatkan kemahiran sosial dan emosi pelajar (Mulyono 2014).

Kaedah komunikasi bukan lisan (*non verbal*) apabila berhadapan dengan kanak-kanak dalam proses hafalan (Wini Mulyani 2011) antara nya menggunakan VAK iaitu gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik (Mazlina Karim 2011, Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri, 2015).

*Visual* (penglihatan):

- a. Flashcard secara *flash*
- b. Flashcard yang ditampal di kelas
- c. VCD bergambar yang dipasang di TV

- d. guru memaparkan sesuatu teks, warna, gambar, jadual, gambarajah, carta sama ada di dalam buku, di papan hitam atau paparan komputer.

*Auditori* (pendengaran):

- a. Menperdengarkan bacaan al-Quran daripada qari kanak-kanak contoh Taha Junaid, Ahmad Saud dan sebagainya.
- b. Audio yang dipasang secara jelas di radio pra sekolah
- c. Kerapkan pasang audio secara sayup ketika pelajar sedang bermain dan hendak tidur.

Kinestetik:

- a. Menggunakan gerakan, tanggapan emosi, tindakan fizikal dan emosi
- b. Memegang atau menyentuh *flashcard* atau al-Quran yang dihafal

Untuk pembelajaran yang lebih efektif, penggabungan ketiga-tiga unsur visual, auditori dan kinestetik adalah lebih berkesan daripada menggunakan satu kaedah sahaja (Mazlina Karim 2011; Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri, 2015). Menurut Farah Suwahida Zainal Abidin dan Ahmad Marzuki Abdul Rahman (2013) penggunaan slaid beraudio dapat digunakan dalam semua subjek, selaras dengan peredaran zaman. Slaid amat membantu murid untuk merangsang minda mereka dalam memahami sebarang bentuk konsep yang akan diperkenalkan oleh guru dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, apabila murid bergerak, pergerakan yang dilakukan mampu mencergaskan badan dan mencerdaskan minda. Justeru, membantu mengembangkan lagi neuron-neuron otak manusia bagi merangsang daya ingatan. Ia sebagai alat atau bahan yang dapat membantu guru dalam sesi pengajaran. Secara umumnya, penggunaan teknik ini mampu merangsang murid untuk memberi tumpuan dan menguasai kemahiran menulis dengan baik (Farah Suwahida Zainal Abidin dan Ahmad Marzuki Abdul Rahman, 2013).

Oleh yang demikian, guru-guru perlu kompeten dengan aplikasi pemprosesan perkataan, hamparan elektronik, pangkalan data, grafik, melayari multimedia dan internet serta berkomunikasi dengan menggunakan e-mel agar dapat mengikut arus perubahan pendidikan disebabkan oleh teknologi (Mohamad Zuwaheer Selamat et al. 2015).

## 1. Multimedia

Jenis-jenis media dalam pendidikan untuk kanak-kanak boleh dibahagikan kepada dua iaitu media bukan elektronik dan media elektronik. Media bukan elektronik pula ialah alat-alat yang tidak memerlukan kuasa bateri atau elektrik seperti papan tulis, kad imbas dan buku. Contoh yang lain ialah lukisan, alatan-alatan seni, permainan doh, pasir, air, bongkah dan banyak lagi. Aktiviti ini dapat membantu

perkembangan intelektual, lisan dan melahirkan kanak-kanak yang berminda kreatif. Media elektronik pula merupakan alat-alat yang menggunakan kuasa bateri atau elektrik seperti Smartphone, Tablet, tv, radio, perakam suara, komputer dan sebagainya (Nor Raudah Hj Siren et al.; Azham Hussain, et al. 2014).

Kanak-kanak masa kini membesar dalam persekitaran di mana mereka mempunyai pelbagai cara berinteraksi dan bermain dengan aktif di dalam persekitaran yang dicipta melalui teknologi digital seperti permainan komputer, telefon pintar, pelbagai perisian dan aplikasi mudah alih. Dengan menggunakan multimedia ini dapat mendorong kanak-kanak belajar dengan lebih baik, mudah, cepat dan berkesan (Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri 2014). Ia dapat mencambah informasi kanak-kanak untuk percaya dan bertindak dalam mempelajari Islam (Zainul Abdin Sodhar Abdul Ghani Shaikh Khair-un-Nisa Sodhar t.th). Ini turut diakui oleh Nurul Hidayah Ahmad Zakhi (2012) yang mendapati multimedia dalam pendidikan kanak-kanak memberi impak positif kepada kanak-kanak iaitu projek eBook dan Terengganu Brilliant kids (TB kids). Beliau telah mengkaji tadika di daerah Kuala Terengganu iaitu Tadika Yayasan Islam Terengganu, Tadika Cahaya Warisan dan Tadika Tahfiz Gemilang.

Kajian Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin, Zaharah Hussin (2014) menyatakan pendekatan yang sesuai digunakan kepada kanak-kanak pra sekolah antaranya adalah tindakan dalam pendekatan muzikal-ritma yang biasa digunakan dalam pengajaran di peringkat prasekolah ialah penglibatan kanak-kanak secara beremosi, penglibatan secara individu dan bersama rakan, demonstrasi dan lakonan secara individu dan kumpulan, bertepuk sambil membaca untuk mengingat, mendengar dan menonton CD dan pita rakaman bacaan, ekspresi kendiri dan sebagainya. Hasil daripada aktiviti-aktiviti tersebut dapat dilihat dalam kemampuan kanak-kanak menghafal, memberikan penjelasan dan mengaitkan surah dan doa dengan penggunaannya dalam kehidupan sehari-hari. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran (*e-learning*) dilihat dapat membantu hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar. Ia mewujudkan satu demensi pembelajaran baru yang menarik (Mohamad Zuwaheer Selamat et al. 2015).

## 2. Mendengar Hafalan Pelajar

Guru memdengar hafalan dan akan merekodkan di dalam buku rekod hafazan (Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah et al. 2005). Guru menggunakan kaedah ini bagi mengukuhkan hafazan pelajar, memperbetulkan hafazan dan penilaian secara meluas (Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri 2014).

### 3. Melalui Perhatian atau *Attention*

Perhatian atau *attention* termasuklah melalui unsur cantik, nyata dan jelas, mudah, berubah-ubah, bergerak, menjinakkan dan sebagainya. Ia merupakan komunikasi bukan lisan yang penting dalam proses hafalan al-Quran kanak-kanak. Cantik yang dimaksudkan adalah dari aspek susunan kandungan dan kerapian guru sebagai pendakwah mengklasifikasikan maklumat dengan gabungan latar belakang laman yang berwarna ceria, selangan nasyid latar yang menggambarkan seni Islam dan capaian maklumat yang pantas dan tersusun. Usaha menyampaikan mesej dakwah kepada kanak-kanak ini perlu diletakkan dengan kadar mudah, nyata dan jelas. Psikologi dakwah terhadap kanak-kanak pra sekolah harus dilakukan dalam keadaan yang berubah-ubah, sama ada dalam isi kandungan, *uslub*, saluran media, strategi dan lain-lain (Nor Raudah Hj Siren et al.)

### 4. Bimbingan

Dalam proses menghafaz al-Quran, bimbingan yang diberikan oleh guru memberikan kesan yang mendalam terhadap pelajar (Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah et al. 2005). Sebelum memulakan kelas contohnya guru mengajak pelajar berdoa bersama dan meminta pelajar duduk dengan tertib. Walaupun nampak remah tetapi penekanan ni perlu dilatih sejak kecil (Muhammad Nur Abdul Hafiz Suwaid 2014).

### 5. Contoh Teladan

Contoh teladan yang baik mempengaruhi kanak-kanak dalam setiap aspek, ia mempunyai kesan yang sangat besar dalam kehidupan kanak-kanak dan juga sangat berkait rapat dengan keperibadian kanak-kanak. Ini kerana, setiap kanak-kanak akan meniru perbuatan orang yang berada di sekeliling mereka terutama pengaruh daripada kedua ibu bapanya. Rasulullah s.a.w memberikan contoh teladan yang baik kepada setiap manusia sehingga kanak-kanak pun turut serta mengikuti sikap yang dipamerkan oleh Rasulullah s.a.w. Ibnu Abbas r.a menceritakan pada suatu malam Rasulullah s.a.w bangun malam untuk melakukan solat, kemudian berwuduk setelah itu baginda s.a.w solat, kemudian Ibnu Abbas r.a pun turut berwuduk sama seperti wuduk Rasulullah s.a.w kemudian berdiri di sebelah kiri baginda s.a.w, namun baginda menariknya meletakkan di samping kanan baginda s.a.w. Kemudian baginda s.a.w solat beberapa rakaat.

Contoh teladan yang baik mempengaruhi kanak-kanak dalam setiap aspek, ia mempunyai kesan yang sangat besar dalam kehidupan kanak-kanak. Setiap kanak-kanak akan meniru perbuatan orang yang berada di sekeliling mereka termasuk gurunya. Rasulullah s.a.w memberikan contoh teladan yang baik kepada setiap manusia sehingga kanak-kanak pun turut serta mengikuti sikap yang dipamerkan oleh Rasulullah s.a.w. Ibnu Abbas r.a menceritakan pada suatu

malam Rasulullah s.a.w bangun malam untuk melakukan solat, kemudian berwuduk setelah itu baginda s.a.w solat, kemudian Ibnu Abbas r.a pun turut berwuduk sama seperti wuduk Rasulullah s.a.w kemudian berdiri di sebelah kiri baginda s.a.w, namun baginda menariknya meletakkan di samping kanan baginda s.a.w. Kemudian baginda s.a.w solat beberapa rakaat (Muhammad Nur Abdul Hafiz Suwaid 2014). Dalam berdakwah kepada kanak-kanak, guru perlu menjadi contoh terbaik (Ab Halim Tamuri 2015). Guru perlu cinta dan sentiasa bersama al-Quran.

## 6. Gerakan Isyarat dan Irama

Menurut pakar pendidikan, salah cara paling efektif untuk menghafal sesuatu adalah melalui gerakan dan irama. Apabila seseorang menghafal sambil bergerak dan ada irama, kerja otak menjadi lebih ringan dan mampu menyerap dan menyimpan informasi dalam jangka panjang. Itulah sebabnya, di TK-Q Rumah Qurani mengajar kanak-kanak menghafal ayat-ayat Al Quran dengan gerakan tangan, gerakan aktiviti yang bersesuaian dengan ayat. Contohnya ayah Husein yang menjadi pengasas Jamiatul Quran menciptakan metod sendiri untuk mengajar makna ayat-ayat al-Quran melalui isyarat tangan. Guru boleh mengajar “*wabil waalidaini ihsaana*, Al Isra:23” dengan menggunakan isyarat, misalnya, “*walidaini*”, isyaratnya buat misai dan tudung di wajah, menggambarkan ibu dan ayah. Jadi, anak-anak mengucapkan ayat itu sambil memperagakan makna ayat tersebut (Dina Sulaeman et al. 2011).

## 7. Sambil Bermain

Pelajar boleh meningkatkan bacaan dan hafalan al-Quran ketika mereka bermain *games* dan mereka gembira terutama kanak-kanak yang masih di pra sekolah (Azham Hussain, et al. 2014). Melalui aktiviti bermain kanak-kanak akan belajar dan memahami isu-isu yang berlaku di sekeliling mereka dalam keadaan yang menggembirakan, memberi motivasi yang kompeten, perhatian dan sikap untuk belajar. Integrasi proses pengajaran dan pembelajaran ini lebih berkesan, memupuk tingkah laku pembelajaran positif dan prososial kanak-kanak (Norazizah 2018; Lu Chung Chin dan Effandi Zakaria 2015) Ramai pakar telah membina kurikulum prasekolah yang menggunakan pendekatan bermain untuk meningkatkan perkembangan kognitif.(Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd. Kosnin & Yeo Kee Jiar 2013). Metode bermain dijadikan media komunikasi agar kanak-kanak seronok dan tidak tertekan dengan perintah yang diberikan (Muhammad Basyirun 2012).

## 8. Kasih Sayang

Guru digalakkan supaya sentiasa memberi sentuhan kasih sayang. Ia dapat merapatkan hubungan antara satu sama lain. Rasulullah SAW sentiasa mencium anak dan cucu-cucunya. Hadis Nabi SAW:

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن الأقرع بن حابس رضي الله عنه أبصر النبي - صلى الله عليه وسلم - يقبل الحسن ، فقال : " إن لي عشرة من الولد ما قبلت واحدا منهم " ، فقال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - : ( إنه من لا يرحم ، لا يرحم ) متفق عليه .

Maksudnya:

Satu ketika apabila Rasulullah SAW mencium cucunya Hassan dan pada masa itu Aqra' bin Habis ternampak dan beliau berkata: "Wahai Rasullullah! Aku mempunyai sepuluh orang anak, tetapi aku tidak pernah mencium seorang pun dari mereka." Rasulullah saw menoleh kepada Aqra' kemudian menyahut: "siapa yang tidak mengasihi tidak akan dikasihi."

(Sahih Bukhari. Bab *Rahmatan Al-Walad Wataqbiluhu Wamaa Taqatuhu*. Juz 18. Hlm. 403. No.Hadis: 5538).

Menyayangi kanak-kanak adalah salah satu sifat kenabian. Rasulullah s.a.w memiliki jiwa yang lembut dan pengasih terhadap kanak-kanak. Ia terserlah pada diri baginda s.a.w sifat kemanusiaan dan kelembutan perasaan. Rasulullah s.a.w menggerakkan emosi kanak-kanak dengan mengusap kepala mereka sehingga mereka merasakan kasih sayang, kerinduan dan kecintaan. Kanak-kanak akan merasakan bahawa kehadirannya sangat dihargai (Muhammad Nur Abdul Hafiz Suwaid 2014).

## 9. Memperdengarkan al-Quran ketika tidur

Guru boleh menggunakan radio al Quran atau CD bagi mendengarkan qari membaca al-Quran dan membiarkan alat perakam berjalan ketika tidur. Waktu yang memberi impak yang besar dalam memberi didikan kepada kanak-kanak adalah sebelum, sedang dan baru bangun tidur. Waktu ini juga adalah paling baik untuk berdoa sambil mengusap kepala dan memberi nasihat. Ketika itu, mereka seolah-olah terpukau dan apa yang disebutkan akan meresap masuk ke dalam hati. Ingatan adalah asas dalam pendengaran. Ia boleh dilihat daripada muzik yang

harmoni seperti melodi al-Quran , ia boleh menguatkan ingatan ( Atefah Hojjati et al. 2014; Mursyidah Mokhtar dan Sumarni Ismail 2015).

Abdud Da-im al Khalil (t.th) menyebut bahawa hafalan dalam tidur meninggalkan pengaruh yang besar dan lebih banyak dibandingkan hafalan ketika terjaga contohnya beliau sendiri menceritakan ayat yang dihafal lebih melekat difikirannya walaupun tidak mengulangnya kemudian mengatakan bahawa jiwanya menghafal hasil dari sentiasa memperdengarkan hafalan ketika tidur. Salah seorang ilmuan telah mengadakan kajian kepada orang di saat mereka tidur, ia mendapati bahawa sesungguhnya otak dapat merespon ketika tidur.

## KESIMPULAN

Komunikasi antara guru dengan murid di dalam bilik darjah penting kerana dalam sesuatu proses pengajaran, seseorang guru akan berkomunikasi sama ada *verbal* dan *non verbal*. Ia mempengaruhi murid-murid begitu juga dalam pembelajaran al-Quran. Dalam proses hafalan, komunikasi *non verbal* dari diri guru sendiri atau penggunaan media komunikasi amat penting dalam berinteraksi dengan kanak-kanak. Komunikasi bukan lisan (*non verbal*) antaranya mendengar hafalan kanak-kanak, membimbing sehingga mereka mampu menghafal, memberi contoh teladan yang baik dan mendidik dengan penuh kasih sayang. Komunikasi ini juga menggunakan VAK iaitu gaya pembelajaran visual (menggunakan CD, komputer, LCD, gerakan tangan dan sebagainya), gaya pembelajaran auditori (radio) dan gaya pembelajaran kinestetik (memegang quran,bermain). Ia menghasilkan inovasi dalam pembelajaran al-Quran yang efektif dan menyeronokkan serta memberi impak positif dalam proses hafalan terutama kepada kanak-kanak pra sekolah

## RUJUKAN

- A. Markarma (2014), Komunikasi Dakwah Efektif Dalam Pespektif Al Quran , *Hunafa: Jurnal Studia Islamika*. Vol. 11, No. 1, Juni 2014: 127-151
- Ab Halim Tamuri (2015), Standardization of Islamic Education Excellence in the World, *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, Vol 1(2):109-120.
- Abdud Da-im al Khalil (t.th) , *Metode Baru Menghafal al-Quran*.
- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah, Hussin Bin Salamon, Azmi Shah Bin Suratman, Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor, Kamarul Azmi Bin Jasmi, Abdul Basit Bin Samat @ Darawi (2005), *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*, Laporan Penyelidikan UTM.

- Abdul Hafiz Haji Abdullah , Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad, Idris Ismail (2003), *Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz*, Laporan Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Atabik (2014). Konsep Komunikasi Dakwah Persuasif Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam*.
- Ainun Mahya & Arnina P (2016), Musa si Hafiz Cilik, Jawa Barat: Huta Publisher.
- Asmawati Suhid et.al (2012), Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajian Umum* Bil. 8 ms 169
- Atefeh Hojjati, Akram Rahimi, Masoude Davod Abadi Farehani a , Nasser Sobhi-Gharamaleki, Bahar Alian (2014), Effectiveness of Quran Tune on memory in children, *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 114 ( 2014 ) 283 – 286.
- Azham Hussain, Nazean Jomhari, Fazillah Mohamad Kamal, Normala Mohamad (2014), mFakih: Modelling Mobile Learning Game to Recite Quran for deaf Children, *International Journal on Islamic Applications in Computer Science And Technology*, Vol. 2, Issue 2, June 2014, 8-15
- Dina Sulaeman et al. (2011). *Bintang-Bintang penerus Doktor Cilik*. Depok: Pustaka Iman.
- Ekman, P. (1975), *Unmasking The Face: A Guide To Recognizing Emotions From Facial Clues*, Englewood Cliffs. N.J.: Prentice-Hall
- Elly Ermawati. 2009. Metode Pembelajaran Tahfiz Juz 'Amma di Taman Kanak-Kanak Islam Terpadu (TKIT)Imam Syafie. Tesis Sarjana , Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakulti Tarbiah UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Farah Suwahida Zainal Abidin & Ahmad Marzuki Abdul Rahman. 2013. Aplikasi Teknik VAKAT Bagi Mengatasi Masalah Kemahiran Menulis Murid Sindrom Down. Seminar Penyelidikan Tindakan
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub. Norlizah Che Hassan. Wan Marzuki Wan Jaafar. Lukman Abd Mutualib (2015), Cabaran Pendidikan Tahfiz Di Malaysia Dalam Melahirkan Generasi Al-Quran. *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa*.USIM
- Kamus Bahasa Melayu, (1999), Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Kamus Daya (2008), Penerbitan Minda (M) Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan (1989), Edisi Baru, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lu Chung Chin dan Effandi Zakaria (2015), Effect of Game- Based Learning Activities on Children's Learning and Prosocial Behaviours, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40 (2) : 159-165).
- Mazlina Karim (2011), Mengajar Al-Quran pada Bayi dan Kanak-kanak, Kertas Kerja Kursus Mengajar Al-Quran pada Bayi dan Kanak-kanak pada 29 Oktober 2011 Shah Alam.

- Mohamad Zuwaher Selamat. Khairul Anuar Mohamad Ahmad Kamel Mohamed. Adnan Mohamed Yusoff . Norakyairee Mohd Raus. Mohd Nur Adzam Rasdi. Muhammad Arif Musa (2015), Penggunaan Teknologi Semasa Dalam Menghafaz Al-Quran, *Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa*.USIM
- Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Basyirun (2012), *Pengelolaan Pembelajaran Tahfidz Pada Usia Anak Dini di TKU Daar El Dikir Sukoharjo*. Tesis Sarjana Pendidikan Islam Universitas Muhammadiyah.
- Mulyono (2014), Pengaruh Komunikasi Guru Dalam Mengelola Kelas Terhadap Prestasi Belajar PKN, *Jurnal Ilmiah PPKN IKIP Veteran Semarang* Vol. 2 No. 1: 90-103.
- Mursyidah Mokhtar & Sumarni Ismail (2015). Islamic Education Through nature for Pre School Children In Selangor and Putrajaya of Malaysia. *Advances in Environmental Biology*.Vol 9(23): 129-147
- Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri (2014), *Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal*. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014 (e-ISBN 978-967-11768-7-0). 9-10 June 2014,
- Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri (2015), *Pembelajaran Al-Quran Berasaskan Teknik Dan Gaya Pembelajaran VAK (Visual, Auditori Dan Kinestetik)*, Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa.USIM
- Nor Raudah Hj Siren, Salme Suhaina Yusoff, Nurul Akma Osman, Wan Rusydia Salehudin, Zaizul Ab Rahman, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Azrin Ab Majid (2013), Pendekatan Media Dakwah Dalam Pendidikan Kanak-Kanak dalam Isu-Isu Dakwah Semasa )367383http://umexpert.um.edu.my/file/publication/00010050\_102558.pdf
- Norazizah. (2018), *Komunikasi Guru Dalam Pendidikan Kanak-Kanak Di Pratuhfiz Al-Baghdadi Playtime Centre, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi*. Temubual. 25 September 2018
- Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin, Zaharah Hussin (2014), Peningkatan Kemahiran Menghafaz Surah dan Doa Kanak-kanak Prasekolah melalui Pendekatan Berasaskan Teori Kecerdasan Pelbagai, *The Online Journal of Islamic Education* Vol 2 Isu 1.
- Nurul Hidayah Ahmad Zakhi (2012), *Kesan Penggunaan Multimedia terhadap Pendidikan al-Quran peringkat Prasekolah di Daerah Terengganu*, Disertasi Sarjana Pengajian Islam UKM.
- Othman Lebar. 2015. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Salafuddin Abu Sayyid (2013), *Balita pun Bisa Hafal Al Quran*, Solo: Tinta Medina (Tiga Serangkai),

- Syofia Ulfah . Zamri Mahamod . Jamaluddin Badusah, Hamidah Yamat (2012), Amalan Komunikasi Interpersonal Direktif Guru Bahasa Indonesia Ketika Memulakan Pengajaran Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPB (Malay Language Education Journal – MyLEJ) ISSN: 2180-4842. Vol. 2, Bil. 2 (Nov. 2012): 71-82
- Widya P. Pontoh (2013), Peranan Komunikasi Interpersonal Guru Dalam Meningkatkan Pengetahuan Anak . *Journal "Acta Diurna"* Vol I.No.I
- Wini Mulyani (2011), *Implementasi Komunikasi Verbal dan Non Verbal dalam Proses Menghafal Juz Amma pada Pendidikan Anak Usia Dini di Bait Quran*, Tesis Sarjana Komunikasi, Fakultas ilmu Dakwah dan Ilmu Komunikasi UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Wiwi Alawiyah Wahid dan Siti Aisyah (2014), Kisah-Kisah Ajaib Penghafal Al-Quran. Banguntapan Jogjakarta. :DIVA Press
- Zainul Abdin Sodhar, Abdul Ghani Shaikh dan Khair-un-Nisa Sodhar (t.th), An Analysis of the Trend of Muslims to Communicate their Faith Tradition to their Children in Pakistan, *International Research Journal of Arts & Humanities (IRJAH)* Vol. 42 : 99.
- Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd. Kosnin & Yeo Kee Jiar (2013), Keberkesanan Modul Belajar Melalui Bermain Terhadap Kefahaman Pengalaman Pranombor Kanak-kanak Prasekolah, *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*:305.
- Zetty Nurzuliana Rashed (2016), *Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan Al-Quran dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*, Tesis PhD, Fakulti Pendidikan UKM.
- Zulkefli Aini, S.Salahudin Bin Haji Suyurno (2012), *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.